

**Proses penghantaran pulang pelajar menaiki pesawat bermula 1 Mei ini -
Ismail Sabri
Astro Awani
27 April 2020
Fareez Azman,**

PUTRAJAYA: Proses penghantaran pulang pelajar menaiki pesawat ke Sabah dan Sarawak termasuk zon utara, zon tengah dan zon selatan di Semenanjung akan bermula 1 Mei ini.

Menurut Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob penghantaran pulang pelajar terbabit akan menggunakan perkhidmatan penerbangan berjadual.

"Penghantaran pulang pelajar ke Sarawak dan Sabah akan bermula 1 Mei 2020. Bagi pelajar yang berada di Terengganu dan Kelantan akan diterbangkan dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu.

"Bagi pelajar yang berada di zon tengah termasuk Pahang akan diterbangkan dari Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA. Bagi zon utara, mereka akan diterbangkan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang," katanya dalam sidang media di Putrajaya hari ini.

Bagi zon selatan pula, pelajar akan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/proses-penghantaran-pulang-pelajar-menaiki-pesawat-bermula-1-mei-ini-ismail-sabri-240382>